

Kerjaya PR

Profesyen ini mempunyai tugas yang amat penting dalam mempromosikan serta memastikan nama baik dan imej positif sesebuah organisasi

MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

TIDAK kira apa juga kerjaya yang diceburi, setiap satu mempunyai kepentingan dan cabaran tersendiri. Bidang perhubungan awam (PR) sering dikaitkan dengan glamor apatah lagi jika berkaitan dengan media, sama ada media elektronik seperti TV, radio atau media cetak seperti majalah dan akhbar.

Kerjaya sebagai pegawai PR meliputi bidang yang lebih luas. Seperti kerjaya lain, pegawai PR juga mempunyai tugas yang amat penting iaitu mempromosikan organisasi dan memastikan nama baik dan imej sesebuah organisasi sentiasa dipandang positif oleh orang ramai, pemegang saham, pelanggan dan pelabur berpotensi.

Menyedari kerjaya ini banyak mendidik dan mempunyai tanggungjawab yang besar, pelajar Ijazah Sarjana Fakulti

Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan seminar yang bertajuk, *Merapatkan Jurang Antara Pengamal Perhubungan Awam dan Ahli Akademik: Meningkatkan Mutu Prestasi Perkhidmatan Perhubungan Awam Melalui Pendidikan dan Profesionalisme* di universiti itu di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Timbalan Presiden Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM), Jaffri Amin Osman berkata, objektif program ini adalah memberi pendedahan kepada pelajar yang mahu tahu tentang kerjaya sebenar termasuk melihat peluang kerjaya perhubungan awam dalam pasaran semasa.

“Melalui seminar ini, kami berharap para peserta sudah bersedia berhadapan dengan pelbagai tugas, isu, aktiviti, cabaran dan risiko yang wujud dalam profesyen yang memerlukan kita lebih



DR. Abdul Muati Ahmad (dua dari kanan) merasmikan seminar perhubungan awam di UPM. Serdang baru-baru ini.

berketerampilan serta bersedia,” katanya ketika berucap dalam majlis seminar itu.

Majlis itu dirasmikan oleh Dekan FBMK, Prof. Madya Dr. Abdul Muati Ahmad.

Menurut Jaffri, kerjaya perhubungan awam memerlukan mereka menjadi arkitek untuk mencorakkan hasil kerja dengan sebaik-baiknya.

Menjadi PR yang berjaya, ujarnya, bukan mudah melainkan para pelajar melaksanakan beberapa elemen penting, antaranya termasuklah proses mendengar, berfikir, belajar dan merancang pelbagai kemahiran.

“Pelajar berpeluang memilih bahagian pengurusan pejabat, khidmat sosial korporat (CSR), komunikasi pekerja, hubungan bidang pelaburan, pengiklanan, perhubungan awam, kerajaan dan penerbitan.

“Mereka perlu menggunakan segala bentuk media dan alat komunikasi untuk membina, menyelaras dan mengurus reputasi dan nama baik organisasi yang mereka wakili.

“Ini dilakukan dengan membina hubungan yang baik bukan sahaja dengan media tetapi juga dengan orang awam, pertubuhan awam dan swasta serta badan-badan pertubuhan amal yang lain,” jelasnya.

Tambah beliau, pegawai perhubungan awam adalah cermin kepada organisasi justeru amatlah penting untuk pelajar membawa imej diri yang positif, bersopan santun apabila berbicara dan berurusan dengan sesiapa sahaja dengan penuh keyakinan.

“Sehubungan itu, pelajar perlu mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh majikan atau pasaran,” katanya.